

09 FEB 2000

Unctad-Asean/I

CARA ASEAN MUNGKIN DIKETENGAHKAN PADA UNCTAD KE-10

Daripada: Muin Abdul Majid

BANGKOK, 9 Feb (Bernama) -- Asean mungkin menghantar isyarat kepada negara-negara membangun lain yang menghadiri sesi ke-10 Persidangan mengenai Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Unctad X) bahawa "adalah berfaedah untuk berkawan dengan jiran-jiran anda secara politik dan ekonomi.

"Dalam artikel yang ditulis oleh akhbar The Nation hari ini, Pana Janviroj berkata meskipun berbeza pendapat di kalangan anggota negara-negara Asean, kebanyakannya kini mengaut hasil secara saksama daripada perdagangan antara rantau.

"Asean telah membuktikan nilai penggabungannya meskipun berbeza sistem politik, budaya dan tradisi.

"Ia mempunyai elemen bahawa Afrika, Timur Tengah atau negara-negara di Amerika Selatan mudah menirunya," katanya.

Janviroj berkata usaha itu berbaloi kerana semua jenis isu yang dibimbangi dan disuarakan oleh negara-negara membangun melalui mesyuarat-mesyuarat Unctad sebelum ini telah ditangani secara pragmatik dan tanpa dihantui ideologi Asean.

Isu-isu itu termasuk penggantungan, pemindahan teknologi, berdikari dan penguasaan oleh perbadanan-perbadanan transnasional.

"Tetapi anggota Asean mesti jujur dan memberitahu mereka bahawa gabungan itu boleh melakukan yang lebih baik jika mereka tidak dilihat daripada luar sebagai pesaing sebaliknya sebagai rakan kongsi bagi menggunakan kesempatan di atas kekuatan mereka bersama," katanya.

Janviroj berkata jika Unctad Ke-10 mahu menjadi sesuatu yang bermakna, sebarang wawasan penting bagi dunia dan politik retorik harus dihapuskan.

"Kita kembali kepada asas mengenai bagaimana setiap negara anggota boleh berdagang antara satu dengan lain," katanya. Kumpulan negara-negara Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa beliau akan menghadiri perhimpunan PBB itu untuk mengetengahkan keraguan negara-negara membangun mengenai kesan-kesan globalisasi.

Kira-kira 3,000 delegasi dari 190 anggota negara Unctad dijangka menghadiri pertemuan di ibu negara Thai itu pada 12 Feb hingga 19 Feb. Kerajaan negara ini dilaporkan menugaskan lebih daripada 6,000 anggota polis dan pasukan keselamatan pada persidangan itu dan seramai 1,100 para pegawai lagi diamanahkan untuk menyediakan kawalan perlindungan orang-orang kenamaan.

Sementara itu, Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai berkata Unctad ke-10 menetapkan matlamat mencapai kata sepakat dalam strategi-strategi pembangunan yang akan dapat memastikan manfaat bersama dan pertumbuhan seimbang bagi semua negara dan rakyatnya.

Pada majlis menaikkan bendera Unctad ke-10 hari ini, beliau berkata untuk melakukannya, persidangan itu perlu menangani kebimbangan yang dirasakan oleh negara maju dan negara membangun - sama ada kesan globalisasi, pemuliharaan alam sekitar atau jurang yang sedia ada antara negara kaya dan miskin.

Dalam sidang berita dari ibu pejabat Unctad di Geneva, setiausaha agung badan itu Rubens Ricupero berkata mesyuarat itu dapat mempercepatkan "proses penyembuhan" yang dapat membantu rundingan perdagangan kembali memperoleh momentum.

Beliau merujuk kepada kegagalan mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Seattle akhir tahun lepas berikutan kebanyakan negara tidak mencapai sepakat berhubung isu-isu berat selain ia dijejaskan oleh bantahan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

-- BERNAMA